

"Sekolah antarabangsa China di P. Pinang

UM: 9/7/2007

Oleh SUNARTI KIBAT

BATU PAHAT 8 Julai - Kementerian Pelajaran akan menubuhkan sebuah sekolah antarabangsa China di Pulau Pinang tidak lama lagi, kata Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut beliau, sekolah itu akan dikendalikan secara usahasama antara kementerian tersebut dengan pengendali sekolah terbabit yang berpusat di Beijing, China.

Beliau berkata, pada masa ini, kementerian sedang merangka kurikulum yang sesuai dan bakal diguna pakai di sekolah tersebut.

"Langkah ini adalah antara usaha menyediakan peluang pendidikan yang sempurna dan terbaik kepada rakyat Malaysia dan negara-negara lain yang berminat untuk menyertai sekolah itu," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan

Mesyuarat Pemuda UMNO Batu Pahat di sini semalam.

Menurut Hishammuddin lagi, pembukaan sekolah itu juga antara lain bertujuan menarik kehadiran pelajar-pelajar peringkat sekolah dari luar negara untuk menuntut di negara ini.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, kementerian belum lagi menentukan sama ada sekolah itu adalah untuk pengajian sekolah rendah atau menengah.

Katanya, sewaktu lawatannya ke Beijing baru-baru ini, beliau telah berjaya meyakinkan sebuah sekolah antarabangsa di sana untuk mengendalikan sekolah yang sama di Malaysia.

"Di Beijing sekolah seperti ini dikendalikan dari peringkat sekolah rendah lagi hingga ke menengah," katanya.

Hishammuddin berkata, beliau yakin sekolah itu mampu merapatkan lagi hubungan antara Malaysia-Chi-

na dan menghapuskan polemik perkauman dalam soal pendidikan.

Sementara itu, beliau juga mengumumkan sebuah sekolah berasrama akan didirikan di Senggarang dekat sini tidak lama lagi.

Pembinaan sekolah itu adalah bagi mengatasi masalah membina sekolah di luar bandar yang memerlukan kos yang tinggi.

"Dengan membina sekolah berasrama pelajar-pelajar dari beberapa kawasan luar bandar dapat dikumpulkan di sebuah sekolah serba lengkap dan sempurna di bandar ini," katanya.

Selepas majlis itu, Hishammuddin, Ketua Pemuda UMNO Batu Pahat, Zaidi Japar, Ahli Parlimen Batu Pahat; Dr. Junaidy Abd. Wahab dan beberapa Ahli Jawatan Kuasa Bahagian meraikan hari jadi ke-50 Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat, Senator Dr. Mohd. Puad Zarkhawi yang kebetulan jatuh pada 7 Julai 2007 (070707).